

D454

R B964 BAH
LPN - MAHATHIR

ALOR SETAR, 15 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MERASMIKAN UPACARA +LPN TURUN KE BENDANG+ DI SEKOLAH MENENGAH BATU 20, MEGAT DEWA, DEKAT SINI KHAMIS INI SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN KE-19 LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA.

KETUA PENGARAH LPN, DATUK HAJI AMIR YAAKUB, MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI HARI INI BAHAWA KIRA-KIRA 50 ORANG, YANG MEWAKILI SEMUA PERINGKAT KAKITANGAN LPN DARI SELURUH NEGARA, AKAN BERGOTONG-ROYONG BERSAMA PARA PETANI MENUAI PADI DI BENDANG SEORANG PESAWAH TEMPATAN.

DATUK HAJI AMIR BERKATA, USAHA ITU DIAMBIL BAGI MENIMBULKAN KESEDARAN DI KALANGAN KAKITANGAN LPN TERHADAP MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PESAWAH.

UPACARA ITU DIJANGKA TURUT DIHADIRI OLEH MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID, MENTERI BESAR KEDAH DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DAN MENTERI BESAR PERLIS DR ABDUL HAMID PAWANTEH. -- BERNAMA
1838MST 15 09 90